

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

TAJUK: PEROLEHAN MENAIKTARAF RAM (RANDOM ACCESS MEMORY) KOMPUTER PELAYAN BAGI INFRASTRUKTUR PUSAT DATA KERAJAAN NEGERI

NO. SEBUT HARGA: JPKN/2024/06

Sila tandakan bagi dokumen yang disertakan:

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk ditanda oleh Penyebut Harga	Untuk kegunaan Pejabat
1	Salinan Sijil PUKONSA (Pusat Pendaftaran Pembekal-Pembekal Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah) yang sah tempoh.		
2	Salinan Sijil Perniagaan yang sah tempoh.		
3	Sebut harga dari syarikat menggunakan KEPALA SURAT (letter head) syarikat; nyatakan spesifikasi teknikal untuk setiap item yang ditawarkan secara terperinci.		
4	Salinan Sijil Pengiktarafan Perniagaan Anak Negeri yang sah tempoh.		
5	Lampiran Q telah diisi lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani		
6	Pematuhan kepada Appendix A, diisi lengkap dan ditandatangani		
7	Lampiran F yang telah diisi lengkap dan ditandatangani		
8	Profil Syarikat dilampirkan. (Penyertaan kali pertama/Profil syarikat dikemaskini)		
9	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir.		
<p>PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama: Jawatan: Tarikh:</p>		<p>UNTUK KEGUNAAN PEJABAT</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen yang bertanda (/) kecuali bagi perkara bil.....</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama: Jawatan: Tarikh:</p>	



JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

NOTIS SEBUT HARGA NO. SEBUT HARGA : JPKN/2024/06

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang mempunyai Lesen Berniaga yang sah dan berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Pembekal Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) di bawah **KEPALA 21 SUB KEPALA 0101 - 0106** untuk mendapatkan sebut harga seperti berikut:-

PEROLEHAN MENAIKTARAF RAM (*RANDOM ACCESS MEMORY*) KOMPUTER PELAYAN BAGI INFRASTRUKTUR PUSAT DATA KERAJAAN NEGERI

2. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai sebut harga perlu membuat bayaran
 - a) secara atas talian (on-line)
 - i. membuat bayaran RM5.00 ke akaun Jabatan Bendahari Negeri: 101960010025301 (Alliance Bank Malaysia Berhad)
 - ii. sila catatkan dalam transaksi atas talian: 126-73105 JPKN-2024-06 (NAMA SYARIKAT)
 - iii. emelkan salinan resit bayaran atau salinan resit transaksi atas talian kepada brp@sabah.gov.my, c.c.: [MohdShukri.Kasim@sabah.gov.my](mailto: MohdShukri.Kasim@sabah.gov.my)
 - ATAU
 - b) melalui kaunter
 - i. mendapatkan Borang Bayaran Sebut Harga di Unit Akaun, Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tingkat 7, Blok A, Menara Kinabalu, 88400 Kota Kinabalu.
 - ii. membuat bayaran RM5.00 di Kaunter Pembayaran, Jabatan Bendahari Negeri, Tingkat 9, Blok A, Menara Kinabalu, 88400 Kota Kinabalu
3. Penyerahan dokumen sebut harga dengan memasukkan tawaran sebut harga ke dalam peti sebut harga yang disediakan di Ruang Menunggu, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tingkat 7, Blok A, Menara Kinabalu, Jalan UMS, Teluk Likas, 88400 Kota Kinabalu.
4. Tarikh Tutup : **16 Februari 2024, jam 10:00 pagi.**
5. Kerajaan Negeri tidak akan terikat menerima tawaran sebut harga terendah atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak. Semua borang sebut harga serta dokumen sokongannya tidak akan dikembalikan.
6. Sebarang ketetapan di atas yang tidak dipatuhi akan secara automatik sebut harga akan ditolak.

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri,
Tingkat 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 Kota Kinabalu.

**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga: **JPKN/2024/06**

(Kew 284-Pin 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA NEGERI SABAH
SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat) -

No Telefon:

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan
(PUKONSA):

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan
pembelian ini

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh

Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap):

**Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu, Jalan
UMS, Teluk Likas**

88400 Kota Kinabalu

No. Telefon: **088-368900**

Tarikh : **2 Februari 2024**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
 - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan
.....**Seperti di Appendix 'A'**.....
 - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki
.....**Tidak melebihi 4 minggu selepas L.P.O. dikeluarkan**.....
 - 1.3. Arah pengiriman
.....**Bahagian Infrastruktur Pusat Data, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tingkat 6,
Blok A, Menara Kinabalu, Kota Kinabalu.**.....
 - 1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda No. Sebut Harga
.....**JPKN/2024/06**.....
 - 1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak
lewat pada jam 10.00 pagi **16 Februari 2024**.....
 - 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah**90**..... hari selepas tarikh tutup

Tarikh: 2 Februari 2024

Tandatangan:



Nama Pegawai: **ARYUS AHOI**

Jawatan: Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

Bil	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
<i>Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan</i>				<i>Untuk diisi oleh Penyebut Harga</i>	
1	Dell EMC vSAN R740xd Ready Node Server Memory Upgrade - 64GB - 2RX4 DDR4 RDEMM 3200MHz. Service Tag: 68GV8G3 Service Tag: 88GV8G3 Service Tag: 58GV8G3 Service Tag: 78GV8G3 Service Tag: 8Z43LV3 - Dell Certified Engineer for Installation, Testing and Commissioning SILA RUJUK APPENDIX 'A' Tarikh penyerahan/penyempurnaan ditawarkan *Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan(PUKONSA).	20	Unit		
				Jumlah	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih, dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah **tidak melebihi 4 minggu**

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebut Harga:

Nama dan K/P:

Alamat Syarikat:

.....

Tarikh:

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga, dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut, dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak,
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu, dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini, tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan, dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk diekspot ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu diekspot dengan tidak dibungkus,
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan, dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

**PEROLEHAN MENAIKTARAF RAM (RANDOM ACCESS MEMORY) KOMPUTER PELAYAN
BAGI INFRASTRUKTUR PUSAT DATA KERAJAAN NEGERI
JPKN/2024/06**

Tarikh Tutup: 16 Februari 2024, Jam 10:00 Pagi

No	Item	Ktt	Ya/Tidak	Catatan
1	Dell EMC vSAN R740xd Ready Node Server Memory Upgrade - 64GB - 2RX4 DDR4 RDEMM 3200MHz. Service Tag: 68GV8G3 Service Tag: 88GV8G3 Service Tag: 58GV8G3 Service Tag: 78GV8G3 Service Tag: 8Z43LV3	20		
	Dell Certified Engineer for Installation, Testing and Commissioning			
	Price Per Unit (RM):			
	Sub Total Price (RM):			
	Grand Total (RM):			
	Delivery Period: Mesti dinyatakan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan penyertaan dibatalkan serta merta.		<hr style="width: 20%; margin: auto;"/> (Minggu)	

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

1. En. Aryus Ahoi 088-368880 (aryus.ahoi@sabah.gov.my)

Syarat-syarat tambahan (Mesti dipatuhi):

1. Pembekal hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Jika pembekal didapati mengemukakan lebih dari satu (1) tawaran sebut harga, kerajaan berhak untuk membatalkan penyertaan tawaran – tawaran dari pembekal yang berkenaan.
2. Sebut harga bekalan / perkhidmatan / kerja yang melibatkan peralatan atau perkakasan mestilah menawarkan produk yang asli dengan manufacturer warranty dan bebas daripada kecacatan perkilangan (manufacturing defects).
3. Ruang 'Ya/Tidak' untuk mengesahkan kriteria bekalan / perkhidmatan / kerja MESTI diisi dengan lengkap dan jelas.
4. Jumlah bersih tawaran sebut harga adalah TERMASUK dengan cukai – cukai yang dikenakan oleh Kerajaan di atas perolehan bekalan/perkhidmatan atau kerja yang dicadangkan.

5. Pembekal hendaklah menyatakan dengan jelas tempoh penghantaran item. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan penyertaan terbatal serta-merta.
6. Pembekal MESTI menyertakan sebut harga syarikat menggunakan kepala surat syarikat (*company's letterhead*).
7. Salinan sijil - sijil yang dilampirkan MESTI sah tempoh. Jika masih di dalam proses pembaharuan sijil, dokumen – dokumen yang berkenaan perlu dilampirkan. Kerajaan berhak membatalkan penyertaan tawaran jika terdapat unsur kurang pasti (*uncertainties*).
8. Pembekal baru WAJIB mengemukakan Profil Syarikat (*Company Profile*) dan Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga.
9. Item hendaklah dihantar ke:

**BAHAGIAN INFRASTRUKTUR PUSAT DATA,
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI,
TINGKAT 6, BLOK A, MENARA KINABALU,
JALAN UMS, TELUK LIKAS, 88400 KOTA KINABALU**
10. Tempoh penghantaran bermula daripada tarikh pesanan kerajaan dikeluarkan.

Tandatangan dan Cop Pembekal:

Tarikh:

Nama dan alamat Pembekal:

**PEROLEHAN MENAIKTARAF RAM (RANDOM ACCESS MEMORY) KOMPUTER PELAYAN BAGI
INFRASTRUKTUR PUSAT DATA KERAJAAN NEGERI
JPKN/2024/06**

.....

Saya,nombor K/P.....yang mewakili
(Nama Wakil Syarikat)
.....nombor Pendaftaran..... dengan ini
(Nama Syarikat) (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)
mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan – tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana - mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama : (Tandatangan)

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

- Catatan:
- i) * Potong mana yang tidak berkenaan.
 - ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa